



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

4 Julai 2024

## KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD CORP)] Di Bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)** di Dewan Rakyat.
2. Ini adalah laporan pertama PAC Parlimen Ke 15 yang dihasilkan melalui punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77 (1) (d) iaitu isu yang bukan di bawah Laporan Ketua Audit Negara sebaliknya “Apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu”.
3. PAC membuat keputusan untuk menyiasat HRD Corp dengan memulakan prosiding berhubung isu ini demi kepentingan awam memandangkan syarikat bertanggungjawab mengutip duit rakyat dan perlu dipastikan bahawa wang berkenaan benar-benar digunakan mengikut tata kelola yang ditetapkan Kerajaan.

Seramai 22 orang saksi dipanggil untuk memberi keterangan antaranya adalah:

- i. Menteri Sumber Manusia (Disember 2022 – Disember 2023);
- ii. Ketua Setiausaha (KSU) KESUMA;
- iii. Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KESUMA;
- v. ALP HRD Corp;
- vi. mantan ALP HRD Corp (2022);
- vii. Ketua Eksekutif (KE HRD Corp);
- viii. barisan pengurusan tertinggi HRD Corp; dan
- ix. mantan KE HRD Corp.

Prosiding ini berikutan untuk memastikan pengurusan dana latihan yang dikutip HRD Corp melalui kutipan levi daripada majikan mencapai objektif yang ditetapkan dibawah Akta PSMB 2001.

4. Berikutan itu, PAC meletakkan Terma Rujukan (TOR) untuk prosiding ini. Wakil media boleh merujuk TOR ini di dalam laporan PAC.
5. PAC telah mengadakan 10 prosiding iaitu pada tarikh 23 Oktober 2023, 1 November 2023, 2 November 2023, 20 November 2023, 23 November 2023, 6 Disember 2023, 18 Januari 2024 dan 12 Mac 2024 bagi membincangkan isu ini. Manakala PAC mengambil masa selama tiga (3) hari untuk menyediakan mesyuarat penyediaan laporan ini.
6. Secara purata untuk menyiapkan laporan HRD Corp ini, PAC bersama *Ex-officio* PAC terdiri daripada tujuh (7) agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Ekonomi (KE) dan Jabatan Akauntan Negara (JANM) mengambil masa

lebih kurang 50 jam (*man-hours*) bermula daripada prosiding sehinggalah laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

7. Umumnya, Human Resource Development Corporation (HRD Corp) adalah sebuah syarikat Jaminan Kerajaan (CLBG) di bawah kelolaan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang tertakluk di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001. Matlamat penubuhan syarikat adalah bagi pengenaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi maksud penggalakan latihan dan pembangunan pekerja, perantis dan pelatih serta penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang.
8. Sehubungan dengan itu, melalui prosiding yang diadakan, PAC mendapati jumlah kutipan levi yang telah dicatatkan oleh HRD Corp telah meningkat dengan begitu ketara sekali iaitu RM2.134 bilion pada tahun 2023 berbanding RM475 juta pada tahun 2020. Peningkatan yang begitu ketara ini adalah akibat dari perluasan Akta PSMB 2001 pada 1 Mac 2021 dimana kenaaan levi telah diwajibkan kepada semua sektor industri.
9. Melalui prosiding yang telah diadakan, PAC dimaklumkan bahawa terdapat sejumlah levi yang tidak digunakan oleh majikan dalam tempoh dua (2) tahun akan dikategorikan sebagai *unutilised levy*. Tempoh ini dilihat terlalu singkat yang mana ia tidak dapat membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sepenuhnya untuk menggunakan dana latihan tersebut.
10. Perlu diingatkan bahawa HRD Corp bukanlah sebuah institusi pelaburan, namun PAC mendapati HRD Corp telah melabur dalam pelbagai aktiviti pelaburan dengan menggunakan wang levi seperti *put and call option*. Pelaburan ini adalah berisiko tinggi dan boleh mendedahkan HRD Corp kepada risiko kerugian yang besar.

11. Selain itu, PAC juga mendapati wujudnya kelemahan dalam pengurusan HRD Corp seperti tadbir urus dan tata kelola yang lemah, kaedah perolehan dan pembelian hartanah yang mencurigakan atau mendatangkan kerugian kepada HRD Corp.

12. Hasil daripada prosiding yang diadakan, PAC membuat 15 rumusan iaitu:

- i. Human Resource Development Corporation (HRD Corp) melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2024 telah bersetuju supaya kutipan levi dan operasi HRD Corp diperakaunkan secara berasingan sejajar dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh PAC sewaktu prosiding.
- ii. Levi yang tidak digunakan dalam tempoh dua (2) tahun akan dikategorikan sebagai *unutilised levy (forfeited levy)*. Penentuan tempoh *unutilised levy* selama dua (2) tahun telah menyebabkan banyak Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) tidak dapat memanfaatkan dana latihan yang telah dicarum kerana tidak mencapai kos minimum untuk melaksanakan latihan.
- iii. Pemindahan *unutilised levy* tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah HRD Corp walaupun telah diminta oleh Ahli Lembaga Pengarah (ALP). Walau bagaimanapun, pihak pengurusan HRD Corp berpandangan pindahan levi ke tabung *unutilised levy* tidak perlu melalui ALP mengikut Akta Pembangunan Sumber Manusia (PSMB) 2001.
- iv. Pelaksanaan caj perkhidmatan empat (4) peratus terhadap penyedia latihan telah diluluskan oleh ALP HRD Corp pada tahun 2019

dengan niat untuk menampung perbelanjaan operasi HRD Corp tanpa bergantung kepada pelaburan. Namun telah dibantah oleh pihak industri dan pelaksanaan telah ditangguhkan bagi memberi ruang kepada HRD Corp untuk menambah baik pengurusan latihan. Walau bagaimanapun, di bawah pengurusan HRD Corp yang baharu (tahun 2020), caj ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kelulusan asal tanpa dirujuk semula kepada ALP.

Walaupun caj perkhidmatan empat (4) peratus dilaksanakan, HRD Corp terus secara giat dan agresif melaksanakan pelaburan yang mungkin membawa risiko terhadap wang levi yang digunakan dalam pelaburan tersebut.

- v. Matlamat dan fungsi utama HRD Corp adalah pembangunan sumber manusia bagi maksud penggalakan latihan dan pembangunan pekerja/ perantis/ pelatih dan bukan sebagai institusi pelaburan.
- vi. Panel Pelaburan HRD Corp tidak melaporkan aktiviti pelaburan yang sepatutnya kepada ALP disebabkan justifikasi pihak pengurusan bahawa pengerusi panel pelaburan merupakan pengerusi ALP. Ini menyebabkan ALP tidak dapat memantau aktiviti pelaburan HRD Corp secara keseluruhannya sekaligus mengeneipkan peranan ALP sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap hala tuju HRD Corp.
- vii. Mengikut Akta PSMB 2001, wakil Bank Negara Malaysia (BNM) perlu dilantik sebagai salah seorang ahli Panel Pelaburan. Walau bagaimanapun, sejak 2017 tiada wakil BNM dalam Panel Pelaburan

HRD Corp. Perkara ini adalah bertentangan dengan Akta PSMB 2001.

- viii. Proses kelulusan pembelian hartanah HRD Corp telah melalui pelbagai kaedah perolehan dan tidak melalui satu proses piawaian prosedur yang konsisten. Selain itu, terdapat transaksi pembelian hartanah yang tidak dibekalkan dengan dokumen-dokumen lengkap kepada ALP HRD Corp.
- ix. Peruntukan latihan yang digunakan daripada dana bukan levi (geran kerajaan dll.) adalah lebih terdedah kepada risiko ketirisan, penyelewengan, pembaziran dan rasuah kerana kurang Prosedur Operasi Standard (SOP) serta pemantauan.
- x. Tindakan Ketua Eksekutif (KE) HRD Corp mendapatkan tandatangan Timbalan Ketua Setiausaha Operasi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam surat bertarikh 15 Februari 2023 memberi gambaran kepada ALP HRD Corp bahawa ia adalah kelulusan untuk meneruskan projek *Skills Passport*.
- xi. Menteri Sumber Manusia pada tahun 2022 dan ALP HRD Corp telah dimaklumkan oleh KE HRD Corp bahawa perjanjian *Skills Passport* tidak membawa apa-apa implikasi kewangan kepada HRD Corp. Ini bercanggah dengan Jadual 3 perjanjian yang menyatakan bahawa HRD Corp akan membayar Neomindz Sdn. Bhd. berjumlah RM12 bagi setiap kali penggunaan.
- xii. ALP HRD Corp telah dimaklumkan oleh KE HRD Corp bahawa program *Microcredential* telah memperolehi persetujuan Agensi

Kelayakan Malaysia (MQA) untuk dilaksanakan dengan syarikat MACS. Walau bagaimanapun, MQA tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak untuk melaksanakan pengesahan kualiti *Microcredential* bagi pihak MQA mahupun melantik mana-mana pihak untuk berunding dengan mana-mana universiti berkaitan *Microcredential* mewakili MQA.

- xiii. Laporan kajian dan semakan bertarikh 18 Oktober 2018 terhadap tadbir urus syarikat yang telah dijalankan oleh Tetuan Ernst & Young tidak dibentangkan kepada ALP HRD Corp. Lantaran itu, syor-syor penambahbaikan yang terdapat dalam laporan tersebut tidak diambil tindakan sepenuhnya oleh HRD Corp.
- xiv. Dalam HRD Corp, Setiausaha Syarikat dan Ketua Pegawai Undang-undang HRD Corp adalah individu yang sama. Ini telah mengakibatkan beberapa keputusan dan nasihat yang diberikan banyak memihak kepada pengurusan HRD Corp dan tidak membantu ALP melaksanakan tanggungjawab.
- xv. Kelewatan pelantikan Pengerusi HRD Corp telah menimbulkan beberapa isu tatakelola dalam HRD Corp.

13. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan terutamanya KESUMA sebagai kementerian bertanggung jawab terhadap HRD Corp untuk dilaksanakan 11 perkara berhubung isu ini iaitu:

- i. Memandangkan HRD Corp telah berkembang sejak penubuhannya, maka KESUMA perlu mengkaji semula keperluan untuk dijadikan sebagai badan berkanun bagi memastikan tadbir urus yang lebih baik dengan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC),

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

- ii. ALP HRD Corp perlu mengkaji semula kaedah pemindahan levi ke tabung *unutilised levy* untuk memastikan kepentingan PKS dipelihara. HRD Corp perlu mengambil langkah proaktif mencari alternatif bagi PKS untuk menggunakan wang caruman sebelum dikategorikan sebagai *unutilised levy*.
- iii. KESUMA perlu mengkaji semula dan meminda Akta PSMB 2001 supaya wakil BNM tidak perlu dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan lagi memandangkan BNM berpendapat bahawa perkara ini bercanggah dengan peranan BNM sebagai pengawal selia (*regulator*).
- iv. HRD Corp harus menumpu dengan lebih proaktif kepada *disbursement of training funds* untuk memastikan pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui program-program latihan yang lebih menyeluruh serta tertumpu dan tidak hanya bersifat generik.
- v. HRD Corp perlu memastikan setiap aktiviti pelaburan dipantau oleh panel pelaburan dan ALP HRD Corp dengan lebih telus dan teratur. Panel pelaburan wajib melaporkan aktiviti pelaburan kepada Lembaga Pengarah apabila diminta seperti yang termaktub dalam Akta PSMB 2001 dan bukan hanya kepada Pengerusi ALP.
- vi. HRD Corp perlu mewujudkan garis panduan bagi perolehan aset termasuk dan tidak terhad kepada *Limits of Authority* (LOA) dan



SOP, supaya terdapat satu proses piawaian prosedur yang konsisten dan memastikan pelaksanaannya dipatuhi sepenuhnya.

- vii. KESUMA harus melantik perunding bebas untuk melakukan pengauditan forensik keberkesanan program-program latihan yang dijalankan di bawah HRD Corp termasuk dan tidak terhad kepada program-program di bawah geran Kerajaan. Ia harus juga mengambil kira segala aduan dalam pelaksanaan program tersebut. Laporan forensik tersebut perlu dilaporkan semula kepada PAC.
- viii. KESUMA perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memantau dan meneliti perjanjian-perjanjian yang dimeterai oleh HRD Corp dengan pihak ketiga dan juga program-program yang dilaksanakan serta mendapatkan pandangan daripada Penasihat Undang-undang KESUMA sekiranya perlu.
- ix. KESUMA dan HRD Corp perlu menambahbaik tatakelola syarikat berlandaskan laporan “Governance Framework Review” tahun 2018, yang telah dihasilkan oleh Tetuan Ernst & Young.
- x. Khusus bagi HRD Corp, jawatan Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat haruslah individu yang berlainan untuk memastikan tanggungjawab berkaitan dapat dijalankan dengan sebaiknya.
- xi. KESUMA perlu mengkaji semula kuasa KE HRD Corp khususnya peranan KE dalam Lembaga Pengarah serta Panel Pelaburan dan sekiranya perlu, membuat pindaan terhadap Akta PSMB 2001.

14. Orang ramai boleh membaca setiap keterangan dan penemuan laporan ini dengan melayari laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**